

# Nekad memandu ke Johor Bahru

Teruja mahu bertemu secara dekat dengan Sultan Ibrahim

**JOHOR BAHRU** - Bekas atlet lumba basikal Sukan Malaysia (Sukma) sanggup memandu sejauh kira-kira 120 kilometer bersama isteri dan lima anaknya ke Dataran Bandaraya Johor Bahru untuk bersalaman dengan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Mohd Hidayat Mohd Fadzil, 35, yang pernah mewakili negeri ini pada temasya dwi tahunan Sukma 1996 dan 1998 mengakui teruja bertemu secara dekat dan bersalaman dengan Sultan Ibrahim serta keluarga diraja Johor.

Dia bersama isteri, Noorasiah Hussin, 36, dan lima anaknya berumur antara 2 bulan hingga 13 tahun bertolak dari kediaman mereka di Tongkang Pechah, Batu Pahat kira-kira jam 11 pagi.

"Saya tak sempat datang ketika rombongan Kembara Mahkota Johor (KMJ) kali ini singgah di Batu Pahat kerana bekerja, anak-anak juga bersekolah."

"Bagaimanapun, saya nekad memandu ke Johor Bahru bawa isteri dan lima anak kami untuk bertemu Tuanku. Inilah kali pertama saya dapat lihat wajah Tuanku dari dekat."

"Walaupun ketika tiba di sini laluun agak sesak, manakala trak Mack yang dipandu Tuanku telah tiba lebih awal,



Mohd Hidayat bersama isteri dan lima anaknya teruja dapat menatap wajah Sultan Ibrahim secara dekat.

saya amat rasa bertuah kerana dapat menatap wajah Tuanku yang berada di pentas untuk acara Santapan Diraja," katanya yang tiba di lokasi kira-kira jam 1.30 petang.

Mohd Hidayat mengakui sempat membaiki keretanya yang rosak dan bersyukur selamat sampai ke sini tepat pada masanya.

Sultan Ibrahim diiringi, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail berkenan berangkat bagi menyempurnakan majlis penutup Karnival Jcorp, bersamaan dengan program KMJ 2016, di Dataran Bandaraya, kira-kira jam 1.30 petang semalam.

Turut berangkat, Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar dan Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman. Hadir sama, Presiden dan Ketua Eksekutif Jcorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Datuk A Rahim Nin dan Pegawai Daerah Johor Bahru, Ab Wahab Ridwan.

Sempena majlis itu, Sultan Ibrahim turut berkenan menyampaikan replika cek RM100,000 kepada A Rahim untuk disalurkan kepada Pertubuhan Anak-Anak Yatim Johor Bahru.